

Persaingan Politik Melayu di Perak: Tumpuan Terhadap Pengaruh Isu Kempen dan Strategi Calon oleh UMNO, PAS dan Persatuan Kebangsaan Perak pada Pilihan Raya Umum 1955

Malay Political Competition in Perak: Focus on the Influence of Campaign Issues and Candidate Strategies by UMNO, PAS and National Association Perak in the 1955 General Election

MUHAMMAD NAIM FAKHIRIN REZANI

*Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin,
21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia*

Corresponding author: naim_fakhirin@yahoo.com

Received: 25 June 2025 Accepted: 11 November 2025

Abstrak

Kajian ini membincangkan perkembangan politik Tanah Melayu pada awal 1950-an dengan memberi tumpuan terhadap persaingan politik Melayu di Perak pada Pilihan Raya Umum 1955. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, UMNO berjaya mengukuhkan kedudukan dalam kalangan pengundi Melayu di Perak melalui kemenangan terhadap lima kerusi majoriti pengundi Melayu yang dimenangi oleh parti itu. Selain itu, persaingan politik Melayu turut mencuri tumpuan apabila PAS berjaya memenangi satu kerusi dan kemenangan ini merupakan satu-satunya kerusi Melayu yang dimenangi oleh parti lain selain UMNO. Justeru itu, keputusan PRU 1955 ini menjadi signifikan terhadap permulaan persaingan politik UMNO-PAS di Tanah Melayu. Kajian ini ditulis dengan menggunakan sumber primer dari National Archive, Kew dan Arkib Negara Malaysia sebagai sumber utama penulisan. Selain itu, penulisan turut menggunakan akhbar *The Straits Times*, Utusan Melayu dan Warta Malaya yang diterbitkan dalam tempoh tersebut bagi mendapatkan kesinambungan dengan dokumen sumber primer tersebut. Dapatan kajian ini membincangkan faktor utama yang mempengaruhi persaingan politik Melayu di Perak adalah berdasarkan kepada isu yang menjadi tumpuan semasa tempoh kempen pilihan raya. Kempen yang dibawa oleh parti yang bertanding ini mempengaruhi keputusan yang diperoleh calon dari UMNO, PAS dan NAP pada PRU 1955, seterusnya menjadi kelangsungan terhadap parti tersebut.

Kata kunci: UMNO; PAS; Demokrasi; Politik Melayu; Pilihan Raya Umum

Abstract

This study discusses the political development of Malaya in the early 1950s by focusing on Malay political competition in Perak in the 1955 General Election. Based on the study conducted, there were three Malay parties competing in Perak politics in the 1955 GE, namely UMNO, PAS and NAP. This competition showed that UMNO succeeded in strengthening its position among Malay voters in Perak through winning five seats with a majority of Malay voters that were won by the party. In addition, the Malay political competition also stole the spotlight when PAS succeeded in winning one seat. This victory of PAS made it the only Malay seat won by a party other than UMNO. Therefore, the results of the 1955 GE became significant for the beginning of Malay political competition

in Perak. This study was written using primary sources from the National Archive, Kew and the National Archives of Malaysia as the main sources of writing. In addition, the writing also used The Straits Times, Utusan Melayu and Warta Malaya newspapers published during that period to obtain continuity with the primary source documents. The findings of this study discuss the main factors that influence Malay political competition in Perak based on the issues that are the focus during the election campaign period. The campaigns carried out by the contesting parties influenced the results obtained by candidates from UMNO, PAS and NAP in the 1955 GE, which in turn became the survival of the parties.

Keywords: UMNO; PAS; Democracy; Malays Politic; General Election

Pengenalan

Perkembangan nasionalisme dalam kalangan masyarakat tempatan, terutamanya masyarakat Melayu di Tanah Melayu pada penghujung 1940-an menyebabkan wujudnya kepelbagaian parti politik yang memperjuangkan semangat kebangsaan. Antara parti yang ditubuhkan dalam tempoh tersebut adalah Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO - *United Malays National Organization*), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Hizbul Muslimin¹. Melalui penubuhan parti politik ini, gerakan untuk menyebarkan semangat kebangsaan dalam kalangan masyarakat Melayu dilakukan secara menyeluruh oleh parti tersebut. Selain itu, gerakan kebangsaan ini turut dilakukan oleh akhbar-akhbar seperti Warta Malaya dan Utusan Melayu yang bertindak sebagai ejen penting bagi menyebarkan hal ini. Tindakan ini secara tidak langsung menjadikan politik tempatan mengalami perubahan pada awal 1950-an. Perubahan ini merangkumi fasa baharu politik tempatan, terutamanya penglibatan dalam kalangan masyarakat Melayu terhadap politik Tanah Melayu.²

Situasi ini berlaku ekoran dari dasar British yang melakukan persediaan ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. Antara tindakan British dalam tempoh tersebut adalah melaksanakan sistem pilihan raya secara menyeluruh untuk Tanah Melayu. Perlaksanaan pilihan raya secara menyeluruh ini secara tidak langsung menyebabkan berlakunya persaingan politik Melayu terutamanya dalam kalangan UMNO dan PAS. UMNO merupakan sebuah parti masyarakat Melayu terbesar yang ditubuhkan dengan tujuan menentang pentadbiran *Malayan Union*. PAS pula ditubuhkan dengan tujuan membawa dasar Islam di Tanah Melayu.³ Sehubungan itu, kedua-dua parti ini bersaing dengan sengit dalam usaha mendapatkan sokongan dari masyarakat Melayu. Pilihan Raya Umum 1955 (PRU 1955) ini merupakan kali pertama parti Melayu bersaing secara formal dalam konteks pilihan raya. Justeru itu, pilihan raya ini menjadi signifikan terhadap persaingan politik Melayu, terutamanya di Perak. Perkara tersebut memperlihatkan berlakunya persaingan sengit antara UMNO, PAS dan parti tempatan iaitu Pertubuhan Kebangsaan Perak (*National Association Perak/NAP*) berdasarkan kepada keputusan PRU 1955. Keputusan PRU tersebut memperlihatkan UMNO tewas satu-satunya kerusi Persekutuan yang ditandingi parti itu terhadap PAS.⁴ Oleh itu, kajian ini ingin memperincikan faktor utama yang mempengaruhi persaingan politik Melayu di Perak, dengan memberi tumpuan terhadap parti Melayu di negeri ini iaitu UMNO, PAS dan NAP.

Sungguhpun banyak kajian politik yang melibatkan persaingan politik Melayu yang dihasilkan oleh sarjana terdahulu, namun aspek perbincangan yang diutarakan secara umum tanpa memperpincikan persaingan awal yang berlaku terhadap politik Melayu, terutamanya dalam konteks negeri Perak. Antaranya adalah kajian oleh Syaza Shukri, memberi penekanan terhadap perkembangan politik Melayu yang digerakkan oleh golongan elit pentadbir, khususnya melalui kepimpinan tokoh seperti Dato' Onn Jaafar dalam penubuhan UMNO. Kajian ini menghuraikan bagaimana golongan elit Melayu memainkan peranan utama dalam merangka arah tuju politik masyarakat Melayu, dengan

UMNO menjadi wadah utama bagi penyatuan dan mobilisasi politik bangsa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan UMNO terhadap politik Melayu berlangsung secara konsisten sejak penubuhannya, dan berterusan hingga ke peringkat pembentukan Malaysia pada 1963.⁵ Namun begitu, kajian ini kurang memberi perhatian terhadap persaingan politik yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu pada peringkat awal, khususnya dalam konteks Pilihan Raya Umum 1955. Persaingan antara pelbagai parti politik Melayu seperti PAS, Parti Negara dan beberapa pertubuhan tempatan lain tidak diperincikan secara mendalam, sedangkan perkara tersebut merupakan fasa penting yang memperlihatkan kepelbagaian ideologi dan strategi dalam kalangan masyarakat Melayu menjelang kemerdekaan. Oleh itu, kajian ini akan mengisi kelompongan tersebut dengan memberi tumpuan khusus terhadap dinamika politik Melayu di negeri seperti Perak yang menjadi medan persaingan utama dalam PRU 1955.

Kajian yang dijalankan oleh Christopher Choong Weng Wai pula memberi tumpuan kepada perkembangan politik Melayu melalui lensa gerakan antipenjajah yang wujud selepas era Perang Dunia Kedua. Kajian ini menjelaskan gerakan antipenjajah menjadi pemangkin kepada perubahan terhadap corak politik masyarakat Melayu.⁶ Pada peringkat awal, politik Melayu lebih banyak berpusat kepada pertubuhan yang bersifat kenegerian, namun melalui gerakan ini, masyarakat Melayu mula bergerak ke arah penubuhan parti politik yang berorientasi kebangsaan. UMNO dikenalpasti sebagai pelopor utama kepada perubahan ini dan muncul sebagai sebuah parti yang mampu menghimpunkan pelbagai suara Melayu di seluruh Tanah Melayu di bawah satu panji politik kebangsaan. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak memperincikan tentang persaingan awal yang berlaku dalam kalangan parti Melayu, khususnya di peringkat negeri seperti Perak. Misalnya, PRU 1955 merupakan pilihan raya pertama di Tanah Melayu memperlihatkan wujudnya pelbagai parti Melayu lain yang turut bertanding, termasuk Parti Negara dan beberapa pertubuhan tempatan. Persaingan ini mencerminkan bahawa politik Melayu pada peringkat awal tidaklah bersifat tunggal atau dimonopoli sepenuhnya oleh UMNO. Oleh itu, aspek dinamika politik kenegerian dan kepelbagaian ideologi dalam kalangan masyarakat Melayu masih belum diberi perhatian secara mendalam dalam kajian tersebut.

Dapatan kajian yang dikemukakan oleh Armand Azra meneliti perkembangan politik masyarakat Melayu dalam konteks tindak balas terhadap dasar penjajahan British. Kajian ini menumpukan perhatian kepada penubuhan *Malayan Union* sebagai titik tolak penting yang telah mencetuskan kesedaran politik dalam kalangan orang Melayu.⁷ Melalui penolakan besar-besaran terhadap rancangan *Malayan Union*, masyarakat Melayu mula menyedari niat tersirat British untuk terus menguasai struktur politik Tanah Melayu pasca Perang Dunia Kedua. Reaksi terhadap rancangan tersebut telah mendorong pembentukan UMNO sebagai wadah perjuangan politik yang berteraskan semangat kebangsaan Melayu. Walaupun kajian ini memberikan penjelasan yang baik tentang kemunculan UMNO sebagai reaksi awal terhadap penjajahan British, namun kajian ini tidak mengupas secara terperinci kelangsungan politik UMNO selepas penubuhannya. Aspek seperti strategi politik yang digunakan oleh UMNO bagi mengukuhkan kedudukannya dalam kalangan masyarakat Melayu, serta usaha parti tersebut untuk mengekalkan pengaruh dalam landskap politik yang semakin mencabar, tidak diberikan perhatian yang mendalam. Oleh itu, kajian ini masih bersifat terbatas dari segi analisis tentang evolusi politik UMNO sebagai sebuah entiti politik yang dominan dalam tempoh pasca-penubuhan.

Dapatan kajian oleh Hack memperlihatkan pendekatan yang berbeza berbanding kajian terdahulu, apabila kajiannya mengaitkan perkembangan politik masyarakat Melayu dengan situasi ancaman komunis yang melanda Tanah Melayu pada dekad 1950-an. Kajian ini memberi penekanan kebangkitan politik dalam kalangan masyarakat Melayu tidak hanya dipacu oleh faktor antipenjajah semata-mata, tetapi juga didorong oleh kebimbangan terhadap pengaruh dan ancaman keselamatan yang ditimbulkan oleh gerakan komunis.⁸ Dalam konteks ini, peningkatan penglibatan politik

masyarakat Melayu dilihat sebagai bentuk tindak balas terhadap keperluan untuk mempertahankan agama, bangsa dan tanah air daripada pengaruh ideologi yang dianggap bertentangan dengan nilai-nilai tradisi Melayu-Islam. Kebangkitan gerakan komunis telah mendorong ramai dalam kalangan masyarakat Melayu untuk lebih aktif dalam arena politik, khususnya melalui parti politik yang dilihat mampu menjadi benteng kepada penularan fahaman komunis. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak memberikan perincian yang mencukupi berkenaan tindakan konkrit dan strategi yang digerakkan oleh parti politik Melayu dalam usaha memperkukuhkan sokongan di peringkat akar umbi. Tumpuan utama kajian lebih terarah kepada faktor luaran seperti keselamatan dan ideologi, tanpa membincangkan tindakan parti Melayu tersebut menyesuaikan strategi politik mereka untuk mengekalkan pengaruh dalam kalangan masyarakat Melayu secara lebih meluas dan berkesan.

Begitu juga, kajian oleh Khoo Boo Teik dan Soda turut membincangkan perkembangan politik Melayu di Malaysia, khususnya dalam tempoh awal pascakemerdekaan. Kedua-dua kajian ini menekankan peranan UMNO sebagai parti politik utama yang mewakili aspirasi masyarakat Melayu pada ketika itu.⁹ Penekanan diberikan kepada kejayaan UMNO dalam mengukuhkan kedudukannya dalam landskap politik Tanah Melayu, yang dilihat berpunca daripada sokongan kuat masyarakat Melayu terhadap parti tersebut, terutamanya dalam isu berkaitan kepentingan bangsa, agama dan tanah air.¹⁰ Meskipun kajian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang kedudukan dominan UMNO, namun perincian mengenai persaingan politik Melayu pada peringkat awal hanya dinyatakan secara umum. Oleh demikian, perbincangan politik masyarakat Melayu dalam konteks PRU 1955 yang menjadi medan penting bagi menilai kepelbagaian ideologi dan kekuatan sebenar parti Melayu selain UMNO kurang diperincikan. Persaingan antara UMNO, Parti Negara, PAS dan parti tempatan lain di negeri-negeri tertentu seperti Perak, tidak diuraikan secara terperinci dalam kedua-dua kajian ini. Hal ini menjadikan aspek dinamika dalaman politik Melayu pada fasa awal pembentukan negara kurang diketengahkan dalam kajian secara menyeluruh.

Kajian oleh Lees membincangkan mengenai politik Melayu masih bersifat kenegerian dan berpusat kepada kepentingan negeri masing-masing tempoh penjajahan British. Namun begitu, melalui penubuhan UMNO, landskap politik masyarakat Melayu mula mengalami perubahan ketara. Perjuangan politik yang sebelum ini bersifat setempat telah berkembang ke arah gerakan nasionalisme yang lebih tersusun dan melibatkan seluruh Tanah Melayu.¹¹ UMNO dilihat sebagai pemacu utama perubahan ini, apabila parti tersebut berjaya menghimpunkan pelbagai kelompok masyarakat Melayu di bawah satu gerakan politik yang bersifat kebangsaan. Walaupun begitu, meskipun kajian ini memberi gambaran yang jelas tentang perubahan bentuk politik Melayu dari kenegerian kepada nasionalisme, perkara tersebut tidak memperincikan isu yang menjadi keutamaan dan fokus perjuangan parti politik Melayu, khususnya semasa tempoh pilihan raya. Aspek seperti strategi isu, pendekatan kempen dan agenda politik yang diketengahkan oleh parti Melayu dalam konteks PRU 1955 tidak diuraikan secara mendalam. Oleh demikian, kajian yang akan dilakukan ini akan menumpukan perhatian kepada perincian isu yang menjadi fokus utama parti politik Melayu dan pengaruh terhadap prestasi parti bertanding pada PRU 1955, dengan memberikan tumpuan khusus kepada persaingan politik di negeri Perak.

Dapatan kajian oleh Farish dan Wan Saiful menampilkan fokus yang berbeza berbanding kajian terdahulu, apabila kedua-duanya memberi perhatian khusus terhadap perkembangan politik PAS. Kedua-dua kajian ini menelusuri dasar perjuangan PAS yang berteraskan Islam sebagai tonggak ideologi politik dan pentadbiran, serta peranan parti tersebut dalam memperjuangkan isu berkaitan masyarakat Melayu di Tanah Melayu.¹² Penekanan utama diberikan kepada pendekatan ideologi PAS dalam membina identiti politiknya sebagai alternatif kepada UMNO.¹³ Namun begitu, kedua-dua kajian ini lebih tertumpu terhadap bentuk perjuangan dan prinsip asas PAS, tanpa memberikan penjelasan yang terperinci mengenai strategi dan pendekatan politik parti tersebut, khususnya pada

peringkat awal penubuhannya dalam tempoh dekad 1950-an. Oleh demikian, aspek penting seperti penglibatan PAS dalam medan politik awal, termasuk dalam PRU 1955, tidak diberikan perhatian yang sewajarnya. Secara khusus, signifikan penyertaan PAS dalam konteks PRU 1955 di Perak sebagai salah satu medan utama persaingan politik Melayu juga tidak dihuraikan secara mendalam. Justeru itu, kajian ini akan mengisi kelompongan tersebut dengan meneliti secara lebih terperinci peranan, strategi, serta impak penglibatan PAS dalam politik Perak semasa pilihan raya umum pertama negara pada 1955.

Metodologi

Kajian yang dilakukan berkenaan persaingan politik Melayu di Perak pada PRU 1955 ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan pendekatan sejarah. Sumber utama yang digunakan dalam perbincangan kajian adalah sumber primer, iaitu dokumen rasmi yang belum diolah meliputi laporan pilihan raya Tanah Melayu seperti Helaian Mata (*Scoresheet*) Keputusan Pilihan Raya yang diperoleh daripada Suruhanjaya Pilihan Raya. Selain itu, kajian ini turut menggunakan laporan politik Melayu yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia serta laporan British berdasarkan dokumen *Colonial Office* (CO), *Dominion Office* (DO) dan *Foreign Commonwealth Office* (FCO) dari National Archive, Kew seperti bagi mendapatkan kesinambungan dari kajian yang dilakukan. Kesemua dokumen yang dinyatakan tersebut dianalisis secara tematik seperti yang dicadangkan oleh Ranke (2010) iaitu mengenal pasti dokumen yang relevan dengan kajian dan membandingkan dokumen-dokumen tersebut bagi memperoleh data yang kukuh.

Penggunaan dokumen Helaian Mata (*Scoresheet*) Keputusan Pilihan Raya membekalkan data kualitatif yang konkrit mengenai jumlah undi yang diperoleh setiap calon dan parti di pelbagai kawasan pilihan raya. Perkara tersebut menjadi asas kepada analisis prestasi parti politik Melayu seperti UMNO, PAS dan Parti Negara secara perbandingan, sekali gus membolehkan penyelidik menilai tahap sokongan masyarakat terhadap sesuatu parti mengikut lokasi dan komposisi demografi. Perkara ini amat penting untuk memahami pola pengundian dan kecenderungan politik di negeri seperti Perak yang menjadi fokus utama kajian. Selain itu, laporan dari Arkib Negara Malaysia seperti laporan mesyuarat, surat-menyurat rasmi dan memorandum dalaman memperlihatkan perbincangan dan keputusan yang dibuat oleh pemimpin politik tempatan dalam konteks perjuangan menuntut kemerdekaan serta membentuk identiti politik Melayu. Sumber ini membolehkan penyelidik menilai reaksi serta strategi kepimpinan Melayu terhadap perubahan-perubahan politik dan struktur pentadbiran yang berlaku dalam dekad 1950-an.

Penggunaan dokumen dari The National Archive, Kew seperti *Colonial Office* (CO) dan *Foreign and Commonwealth Office* (FCO) mempunyai nilai yang sangat signifikan kerana perkara tersebut mengandungi perspektif pihak penjajah British terhadap perkembangan politik tempatan. Dokumen itu sering mencatatkan laporan risikan, minit mesyuarat, nota dasar, serta pemantauan aktiviti politik masyarakat Melayu oleh pegawai British, termasuk di peringkat negeri seperti Perak. Sebagai contoh, fail FCO 141/7377. 1955. *Malaya: Monthly Political Intelligence Reports, Perak* membekalkan maklumat terperinci berkenaan gerakan pemimpin politik Melayu, lokasi, kandungan kempen dan penilaian pihak British terhadap tahap pengaruh parti politik dalam kalangan masyarakat tempatan.

Secara keseluruhannya, penggunaan dokumen primer ini menyumbang secara langsung kepada pengayaan pengetahuan mengenai PRU 1955 sebagai titik permulaan kepada proses pendemokrasian di Tanah Melayu. Perkara itu memperincikan mengenai parti politik Melayu bertanding, isu utama yang diketengahkan, strategi kempen, serta reaksi pihak penjajah dan masyarakat terhadap perubahan politik yang sedang berlaku. Melalui dokumen ini juga, penyelidik dapat menelusuri

secara mendalam signifikan penglibatan PAS dan persaingannya dengan UMNO dan parti lain di Perak, sekali gus mengisi kelompongan dalam kajian sedia ada berkenaan sejarah politik Melayu awal pascakemerdekaan.

Perkembangan Persaingan Politik Melayu di Perak sehingga 1955

Perkembangan politik masyarakat Melayu di Perak secara asasnya bermula sebelum kedatangan penjajah British pada 1874. Dalam tempoh tersebut, negeri Perak mempunyai struktur pentadbiran tersendiri yang dikenali sebagai Sistem Pembesar Empat Lipatan. Namun pasca 1874 memperlihatkan politik Melayu di negeri ini mengalami perubahan sejak sistem Residen diperkenalkan. Sistem ini secara tidak langsung mengurangkan peranan masyarakat Melayu dalam politik negeri dan akhirnya hanya bergantung kepada kuasa Sultan semata-mata kerana tugas pembesar mula diambil alih oleh Residen British.¹⁴ Sehubungan itu, gerakan anti-British mula disusun dan berlakunya pertumpahan darah apabila Residen pertama British di Perak dibunuh oleh masyarakat Melayu.¹⁵

Tempoh 1920-an hingga 1930-an memperlihatkan politik Melayu semakin berkembang ekoran penubuhan Kesatuan Melayu Singapura pada 1926. Persatuan ini berusaha meluaskan pengaruh sehingga ke Perak melalui penubuhan cawangannya di negeri ini. Namun begitu, penubuhan KMS di Perak tidak mendapat sambutan kerana masyarakat Melayu mengaggap persatuan tersebut tidak bersifat kenegerian. Justeru itu, masyarakat Melayu di Perak mengambil inisiatif untuk menubuhkan sebuah persatuan bersifat kenegerian iaitu melalui penubuhan Persatuan Melayu Perak (PMP) pada 1937.¹⁶ Persatuan ini menjadi pelopor terhadap gerakan politik moden di Perak. Ekoran rancangan penentangan masyarakat Melayu terhadap penubuhan *Malayan Union* dilakukan secara besar-besaran 1946, persatuan ini turut terlibat secara aktif dalam menyedarkan masyarakat Melayu di Perak dan terlibat dalam Konges Melayu Seluruh Tanah Melayu yang diadakan pada 1946 atas dasar penyatuan masyarakat Melayu. Persatuan ini turut terlibat dalam penubuhan dan penyertaan masyarakat Melayu dalam UMNO. Walaupun penyertaan masyarakat Melayu dalam UMNO semakin menggalakkan, persatuan ini tidak dibubarkan. Sehubungan itu, berlaku persaingan awal terhadap politik Melayu di Perak antara UMNO dan PMP kerana sebahagian ahli PMP mula menyertai UMNO kerana perjuangan UMNO lebih bersifat menyeluruh berbanding PMP yang hanya berjuang dalam konteks negeri Perak.¹⁷

Pada 1948, UMNO mengalami krisis dalaman ekoran dari perselisihan pendapat dengan golongan ulamak dalam parti. Ahli UMNO dari Biro Agama parti ini bertindak keluar dari UMNO dan menubuhkan Hizbul Muslimin (HAMIM). Parti baharu ini menjadikan agama Islam sebagai tunjang perjuangan dan berpusat di Gunung Semanggol, Perak kerana dipimpin oleh Abu Bakar al-Baqir.¹⁸ Tempoh ini memperlihatkan bermulanya persaingan politik Melayu antara UMNO dan HAMIM kerana tohmahan buruk yang dilemparkan oleh kedua-dua parti itu. UMNO menuduh HAMIM membawa elemen komunis, manakala HAMIM pula menyatakan UMNO itu kafir kerana membawa budaya British¹⁹. Persaingan politik Melayu di Perak semakin sengit ekoran dari HAMIM diharamkan oleh British dan sebahagian pemimpin utama parti itu seperti Abu Bakar al-Baqir dan Abdul Rabb al-Tamimi ditangkap dibawah Ordinan Darurat 1948.²⁰ Pemimpin HAMIM menyatakan UMNO merupakan dalang utama HAMIM diharamkan oleh British. Walaupun begitu, pengharaman HAMIM ini tidak bermakna perjuangan politik Islam ini terhenti kerana sebahagian ahli HAMIM menubuhkan parti baharu iaitu Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) pada 1951.²¹ Ironinya, penubuhan PAS ini turut bermula di Perak dan Ahmad Fuad Hassan, bekas Ketua Biro Agama UMNO dilantik sebagai Yang Dipertua pertama PAS, malahan Madrasah Ihya Assyariff, Gunung Semanggol, Perak merupakan pusat kegiatan politik PAS.²² Persaingan politik Melayu di Perak memperlihatkan persaingan antara UMNO dan PAS ini semakin sengit. Oleh itu tumpuan yang diberikan terhadap

persaingan UMNO dan PAS kerana persaingan kedua-dua parti ini bukan hanya berpaksikan idealogi semata-mata, tetapi turut melibatkan sejarah kedua-dua parti itu di Perak.

Selain itu, pertengahan 1950-an turut memperlihatkan persaingan politik Melayu di Perak semakin sengit ekoran dari perpecahan dalaman UMNO yang disebabkan oleh perletakan jawatan Presiden oleh Dato' Onn. Keadaan ini menyebabkan orang kanan Dato' Onn seperti Dato' Panglima Bukit Gantang Abdul Wahab bin Abdul Aziz, Menteri Besar Perak pertama (1947-1957) turut bertindak keluar UMNO dan menubuhkan parti baharu yang bersifat kenegerian di Perak iaitu Pertubuhan Kebangsaan Perak (*National Association of Perak/NAP*). Kebanyakan ahli NAP ini turut terdiri dari bekas PMP yang tidak sehaluan dengan UMNO di Perak.²³

Sehubungan itu, persaingan politik Melayu di Perak menjelang PRU 1955 ini terpecah kepada tiga kelompok utama iaitu antara UMNO, PAS dan NAP. Walaupun begitu, persaingan politik Melayu di Perak lebih tertumpu antara UMNO dan PAS berbanding UMNO dan NAP kerana PAS merupakan parti politik Melayu yang menentang UMNO dalam konteks nasional dan berlaku di seluruh Tanah Melayu berbanding NAP yang hanya bersaing dengan UMNO dalam konteks kenegerian.²⁴ Oleh demikian, kehadiran NAP dalam politik Melayu di Perak turut memberi impak terhadap persaingan UMNO-PAS kerana dipimpin oleh orang yang berpengaruh iaitu bekas ahli UMNO, yang juga Menteri Besar Perak yang pertama, Datuk Panglima Bukit Gantang, Dato' Seri Abdul Wahab bin Abdul Aziz yang bertindak sebagai Pengerusi NAP yang pertama. Justeru, persaingan antara ketiga-tiga parti politik ini dapat dilihat pada PRU 1955 dimana setiap parti berusaha mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu bagi mengukuhkan kedudukan politik di Tanah Melayu melalui negeri Perak.

Strategi dan Prestasi Parti Politik Melayu di Perak pada PRU 1955

Sistem Pilihan Raya dan Kerusi Tumpuan Parti Melayu

Pada 1954, pentadbiran British di Tanah Melayu mengumumkan untuk melakukan pilihan raya di seluruh Tanah Melayu. Tindakan mengadakan pilihan raya ini merupakan sebahagian dari proses persediaan kemerdekaan Tanah Melayu seperti yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Reid. Pengerusi Suruhanjaya Reid, James Reid menyatakan, pilihan raya merupakan proses penting dalam persediaan terhadap kemerdekaan Tanah Melayu.²⁵ Ekoran pengumuman tersebut, tarikh untuk pilihan raya umum ditentukan pada 27 Julai 1955. PRU 1955 ini memperlihatkan sebanyak 52 kerusi yang akan dipertandingkan berdasarkan kepada persempadanan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Reid. Menurut James Reid, persempadanan ini dilakukan berdasarkan kepada kepadatan petempatan masyarakat di Tanah Melayu. Selain itu, sistem pilihan raya ini turut menggunakan model dari United Kingdom iaitu sistem *first past the post* (FPTP) yang memberi penekanan terhadap kemenangan parti yang bertanding ditentukan berdasarkan kepada jumlah kerusi yang paling banyak dimenangi dan wakil rakyat dari parti itu akan dilantik sebagai ketua pentadbiran eksekutif.²⁶ Oleh itu PRU 1955 ini hanya melibatkan persaingan untuk kerusi peringkat Persekutuan terlebih dahulu kerana tujuan PRU ini diadakan adalah untuk membentuk kabinet peringkat Persekutuan. Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, Donald MacGillivray menyatakan pilihan raya ini dilakukan peringkat Persekutuan pada peringkat awal kerana perlantikan masyarakat tempatan dalam kabinet Persekutuan diutamakan bagi tujuan melatih dan memberi tunjuk ajar tentang selok belok pentadbiran negara.²⁷

Berikutan pengumuman pilihan raya tersebut, sebanyak tujuh parti mengambil bahagian untuk bertanding. Gabungan Perikatan yang terdiri dari UMNO, MCA dan MIC merupakan parti terbesar yang mengambil bahagian iaitu bertanding sebanyak 52 kerusi dan UMNO merupakan paling banyak bertanding iaitu 36 kerusi. Manakala parti lain yang mengambil bahagian untuk bertanding adalah Parti Negara yang bertanding sebanyak 30 kerusi dan PAS bertanding sebanyak sepuluh kerusi.²⁸

Berdasarkan kepada komposisi parti yang bertanding itu, persaingan politik Melayu memperlihatkan signifikan yang jelas terhadap pilihan raya ini. Justeru itu, persaingan politik Melayu pada pilihan raya ini tertumpu antara UMNO dan pesaingnya iaitu PAS dan Parti Negara.

Walaupun begitu, situasi politik di Perak mencuri perhatian kerana pesaingan utama politik Melayu di negeri ini melibatkan antara UMNO dan NAP serta PAS. Perkara ini membezakan politik Perak dan negeri lain kerana pada PRU ini, rata-rata UMNO berhadapan dengan Parti Negara atau PAS. Misalnya di Kelantan, Johor dan Selangor, UMNO hanya bersaing dengan Parti Negara dan PAS dikuasai majoriti pengundi Melayu. Namun begitu, untuk persaingan politik Melayu di Perak, Parti Negara tidak bertanding kerana melakukan kerjasama politik dengan NAP. Perkara ini merupakan strategi NAP dalam usaha meraih sokongan di Perak dan matlamat utama parti ini adalah menyekat pengaruh UMNO di Perak. Dato' Onn menyatakan Parti Negara tidak bertanding di Perak kerana telah mendapat kerjasama politik dari Pengerusi NAP, Datuk Panglima Bukit Gantang, Dato' Seri Abdul Wahab.²⁹ Selain itu, Dato' Onn turut menyatakan kerjasama politik antara NAP dan Parti Negara ini mampu mendapat sokongan penuh dari pengundi Melayu di negeri ini.³⁰ Situasi ini secara tidak langsung memperlihatkan NAP 'mengambil alih' peranan Parti Negara bagi persaingan politik Melayu yang melibatkan UMNO dan PAS di Perak.

Berdasarkan kepada persempadanan pilihan raya yang dilakukan oleh Suruhanjaya Reid, sebanyak sepuluh kerusi Persekutuan yang dipertandingkan di Perak dan daripada jumlah tersebut, sebanyak enam kerusi merupakan kerusi majoriti pengundi Melayu iaitu Batang Padang, Dinding, Krian, Sungei Perak Hilir, Sungei Perak Hulu dan Teluk Anson.³¹ Kesemua kerusi ini mempunyai purata pengundi Melayu berjumlah 65-70 peratus. Kedudukan jumlah pengundi Melayu yang tinggi di kerusi ini menyebabkan persaingan politik di kerusi ini kesemuanya ditandingi oleh UMNO. Manakala persaingan yang dihadapi oleh UMNO bagi kesemua kerusi ini adalah antara PAS dan NAP. Justeru itu, enam kerusi majoriti pengundi Melayu ini menjadi penanda aras terhadap persaingan politik Melayu di Perak pada PRU 1955.

Jadual 1 membincangkan demografi pengundi pada kerusi majoriti pengundi Melayu yang menjadi tumpuan UMNO, PAS dan NAP di Perak. Berdasarkan kepada demografi tersebut, purata pengundi Melayu untuk semua kerusi itu adalah 65-70 peratus pengundi Melayu. Sebanyak dua kerusi yang mempunyai pengundi Melayu melebihi 70 peratus iaitu Krian dan Teluk Anson. Jumlah pengundi Melayu paling tinggi adalah di kerusi Krian iaitu 73.6 peratus. Jumlah ini diikuti oleh kerusi Teluk Anson, iaitu 72.5 peratus dan Dinding, 72.1 peratus pengundi Melayu. Manakala tiga kerusi yang lain mempunyai pengundi Melayu melebihi 60 peratus iaitu Batang Padang, Sungei Perak Hilir dan Sungei Perak Ulu.

Jadual1: Demografi Pengundi Kerusi Melayu di Perak, PRU 1955

Bahagian Persekutuan	Demografi Pengundi (%)			
	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Batang Padang	64.2	33.9	1.7	0.2
Dinding	72.1	34.7	3.1	0.1
Krian	73.6	26	1.4	0.1
Sungei Perak Hilir	64.3	32.7	2.8	0.2
Sungei Perak Ulu	63.7	34.6	1.6	0.1
Teluk Anson	72.5	24.6	1.7	0.1

Sumber: FCO 141/7413, Malaya: Federal elections, 1955.

Kesemua kerusi majoriti pengundi Melayu tersebut melibatkan persaingan antara UMNO dan PAS atau UMNO dan NAP. Sebanyak tiga kerusi yang melibatkan persaingan dua penjuror antara UMNO dan NAP iaitu Batang Padang, Sungei Perak Hilir dan Sungei Perak Ulu. Berdasarkan kepada demografi pengundi pada Jadual 1, kerusi yang melibatkan persaingan UMNO dan NAP ini turut memperlihatkan jumlah pengundi Cina yang tinggi, iaitu sekurang-kurangnya 30 peratus. Perkara ini menunjukkan NAP turut menyasarkan kerusi yang mempunyai jumlah pengundi Cina yang ramai sebagai sokongan terhadap parti itu.

Selain itu, persaingan terhadap kerusi majoriti pengundi Melayu turut melibatkan persaingan tiga penjuror antara UMNO, PAS dan NAP. Pada PRU 1955 ini, sebanyak dua kerusi yang melibatkan persaingan UMNO, PAS dan NAP iaitu Dinding dan Krian. Kedua-dua kerusi ini merupakan kerusi pengundi Melayu yang ramai kerana jumlah pengundi Melayu melebihi 70 peratus untuk setiap kerusi. Berdasarkan Jadual 1, jumlah pengundi Melayu di kerusi Krian adalah seramai 73.6 peratus. Manakala di kerusi Dinding adalah 72.1 peratus. Kerusi yang melibatkan persaingan dua penjuror antara UMNO dan PAS adalah di Teluk Anson yang turut memperlihatkan jumlah pengundi Melayu yang ramai iaitu 72.5 peratus. Jumlah peratus ini menunjukkan sasaran PAS di Perak adalah melibatkan kerusi yang mempunyai pengundi Melayu yang dominan. Situasi tersebut menunjukkan sandaran utama PAS di Perak adalah berdasarkan kepada sokongan pengundi Melayu sebagai kelangsungan politik parti itu.

Calon Yang Dipertaruhkan

Perkara yang turut menjadi perhatian bagi persaingan politik Melayu di Perak pada PRU 1955 ini turut melibatkan calon yang dipertaruhkan oleh setiap parti berdasarkan kepada pengaruh dan hubungan dengan pemimpin parti. Perkara ini merupakan elemen penting yang mempengaruhi terhadap prestasi parti yang bertanding secara langsung.³² Justeru, setiap parti sama ada UMNO, PAS atau NAP mempunyai kekuatan calon yang tersendiri pada PRU ini. Misalnya PAS, parti ini diketuai oleh calon tempatan yang juga memainkan peranan sebagai Yang Dipertua atau pemimpin utama parti itu. Begitu juga dengan UMNO Perak, parti ini menggabungkan kombinasi antara pemimpin tempatan sebagai calon dan pengaruh Tunku Abdul Rahman sebagai tindakan parti tersebut untuk menguasai pengundi Melayu. Strategi calon NAP pula, parti ini menggunakan calon luar yang mempunyai hubungan baik dengan Dato' Onn sebagai pendekatan utama untuk mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu. Oleh demikian, strategi utama parti yang bertanding pada PRU 1955 adalah memperlihatkan penglibatan calon tempatan yang sedia mempunyai pengaruh dan kombinasi dengan pemimpin utama sebagai kriteria utama calon yang dipertaruhkan oleh parti yang bertanding.

Strategi calon tempatan tersebut dapat dilihat pada tindakan yang direncanakan oleh PAS semasa senarai calon diumumkan. Bagi kerusi Krian, PAS mempertaruhkan Yang Dipertua parti itu, Ahmad Fuad Hassan untuk bertanding kerana beliau merupakan anak tempatan bagi daerah Krian. Selain itu, PAS yang turut berpusat di Gunung Semanggol bagi kegiatan politiknya di Perak, turut memperlihatkan pengaruh Ahmad Fuad Hassan di kawasan tersebut kerana beliau merupakan seorang guru agama di Madrasah al-Rahmaniah di kawasan Gunung Semanggol. Oleh itu, strategi PAS mencalonkan Yang Dipertua parti itu untuk kerusi Krian ini dianggap tepat dengan keadaan semasa kerana kekuatan akar umbi PAS di Perak adalah dari Gunung Semanggol, Krian dan Ahmad Fuad Hassan merupakan anak tempatan yang berasal dari daerah tersebut.³³ Begitu juga dengan calon PAS yang lain, iaitu calon untuk kerusi Dinding, Abdul Wahab Mohd Noor dan calon untuk kerusi Telok Anson, Hassan Adli, kedua-duanya merupakan calon tempatan dari kawasan tersebut. Calon PAS, Hassan Adli, bukan sahaja menggalas jawatan sebagai Ketua PAS Cawangan Telok Anson, malah merupakan seorang mudir (pengetua) bagi sekolah agama Madrasah Al Ulum Al Syariah di daerah itu. Justeru, perkara ini menjadi kekuatan terhadap Hassan Adli kerana telah dikenali oleh

masyarakat tempatan di kerusi itu. Calon PAS bagi kerusi Dinding, Abdul Wahab Mohd Noor pula merupakan Ketua PAS Daerah Perak Utara. Kedudukan beliau sebagai ketua PAS bagi kawasan ini menyebabkan beliau mempunyai ramai pengikut dalam kalangan masyarakat tempatan. Hal ini menjadi kekuatan terhadap beliau dalam usaha mendapatkan sokongan dalam kalangan pengundi Melayu di kerusi Dinding.³⁴ Perkara tersebut menunjukkan strategi PAS pada PRU 1955 di Perak adalah menguatamakan calon tempatan sebagai kekuatan parti itu dalam usaha meraih kemenangan di negeri ini.

Selain itu, tindakan UMNO terhadap calon pada PRU 1955 di Perak turut memperlihatkan pendekatan strategi yang sama direncanakan oleh parti iaitu mempertaruhkan calon tempatan untuk bertanding atas tiket parti itu. Menurut Tunku Abdul Rahman, UMNO akan mencalonkan individu yang dikenali dan merupakan pemimpin tempatan kawasan yang ditandingi sebagai usaha untuk mendapatkan sokongan kerana calon tempatan ini lebih mengetahui tentang masalah dan keadaan kawasan yang mereka tandangi itu.³⁵ Oleh itu kesemua enam calon yang dipertaruhkan UMNO untuk bertanding di kerusi majoriti pengundi Melayu ini merupakan calon tempatan dari kawasan yang ditandingi itu. Calon UMNO untuk kerusi Batang Padang, Abdul Hamid Khan merupakan Timbalan Ketua UMNO Negeri Perak. Manakala calon UMNO bagi kerusi Sungei Perak Hilir, Abdul Aziz Mat Jabar merupakan seorang peguam dari kawasan tersebut.³⁶ Berdasarkan calon yang dipertaruhkan ini, UMNO memperlihatkan parti itu turut meletakkan harapan terhadap calon tempatan sebagai usaha untuk menguasai pengundi Melayu di negeri ini.

NAP pula memperlihatkan pendekatan parti itu terhadap berbeza dengan UMNO dan PAS kerana parti itu meletakkan 'calon luar' sebagai sandaran untuk memenangi kerusi yang ditandingi oleh parti itu. Pada 1951, ramai ahli UMNO di Perak, termasuk ketua cawangan turut meletakkan jawatan ekoran dari tindakan Dato' Onn yang meletakkan jawatan dari Presiden UMNO dan keluar parti. Situasi itu turut memperlihatkan Menteri Besar, Datuk Panglima Bukit Gantang, Dato' Seri Abdul Wahab turut meletakkan jawatan dan menubuhkan NAP. Sebagai Pengerusi NAP, Dato' Seri Abdul Wahab merencanakan strategi tersendiri terhadap calon parti itu pada PRU 1955. Beliau tidak mencalonkan bekas ketua cawangan UMNO yang menyertai NAP. Sebaliknya, beliau memilih untuk mempertaruhkan calon luar yang mempunyai hubungan dengan Dato' Onn sebagai calon. Tindakan ini dilakukan bagi mengelakkan berlakunya unsur sabotaj dalam kalangan ahli NAP itu sendiri.³⁷ Antara calon tersebut adalah Syed Nordin Wafa yang berasal dari Pulau Pinang dan Mohd Jan Ngah Mohamed yang berasal dari Johor. Calon ini merupakan orang kuat Dato' Onn dan diberi kepercayaan untuk bertanding di Perak. Selain itu, calon NAP bagi Sungei Perak Hilir, Meor Ahmad Yusoff merupakan bekas ahli UMNO Cawangan Ipoh, namun dicalonkan untuk bertanding di kerusi ini. Begitu juga dengan Mohd Yunus Mahmood yang berasal dari Bidor dicalonkan oleh NAP untuk bertanding di kerusi Dinding. Strategi yang dilakukan oleh NAP ini adalah bagi meluaskan pengaruh parti ini diseluruh Perak. Selain itu, strategi NAP turut memperlihatkan parti ini berusaha menggunakan pengaruh Dato' Onn sebagai kelangsungan politik mereka.

Isu Tumpuan Kempen

Kempen merupakan perkara yang penting dalam pilihan raya. Isu yang menjadi keutamaan oleh calon dan parti yang bertanding bagi tempoh kempen ini mempengaruhi keputusan pilihan raya secara langsung. Justeru, isu tumpuan semasa tempoh kempen menjadi perkara yang amat dititik beratkan oleh calon dan parti yang bertanding, sekali gus mencorakkan situasi politik Melayu di Perak.³⁸ PRU 1955 memperlihatkan empat isu yang menjadi dominan semasa tempoh kempen bagi persaingan politik Melayu di Perak. Isu tersebut adalah perkara yang melibatkan kemerdekaan, ancaman komunis, agama Islam dan sentimen kenegerian. Kesemua isu tersebut diberi keutamaan semasa

tempoh kempen oleh parti Melayu yang bertanding di Perak iaitu UMNO, PAS dan NAP.

Pada 1954, UMNO yang diterajui oleh Tunku Abdul Rahman memulakan langkah kempen pada PRU dengan memberi tekanan terhadap British supaya mempercepatkan proses kemerdekaan. Beliau menyatakan kemerdekaan Tanah Melayu perlu disegerakan supaya dapat menjamin hak orang Melayu dengan baik. Perkara ini kemudiannya segera mempengaruhi kepimpinan UMNO Perak dan menjadikan slogan 'Tanah Melayu Merdeka' sebagai perjuangan parti. Sebelum itu, slogan utama yang diberi penekanan oleh UMNO adalah 'Hidup Melayu'.³⁹ Tunku Abdul Rahman menyatakan sudah tiba masa untuk UMNO memperjuangkan kemerdekaan terhadap Tanah Melayu supaya sosioekonomi masyarakat tempatan terbela.⁴⁰ Justeru, UMNO mula mengorak langkah dengan menjadikan kemerdekaan Tanah Melayu sebagai kempen utama parti tersebut pada PRU 1955. Perkara ini dilakukan di seluruh Tanah Melayu, termasuk Perak. Calon UMNO untuk kerusi Sungei Perak Hilir, Abdul Aziz Mat Jabar menyatakan masyarakat Melayu perlu memberi sokongan terhadap UMNO supaya kemerdekaan Tanah Melayu dapat dipercepatkan oleh British. Calon UMNO untuk kerusi Teluk Anson, Bahaman Samsuddin pula menyatakan masyarakat Melayu perlu mengundi UMNO bagi meyakinkan British bahawa masyarakat Melayu mampu mentadbir negara.⁴¹ Secara asasnya, isu kemerdekaan ini dijadikan sebagai langkah populis oleh calon-calon UMNO semasa tempoh kempen bagi menguasai pengundi Melayu di negeri ini.

Selain itu, isu kemerdekaan ini turut menjadi keutamaan oleh parti Melayu yang lain seperti PAS dan NAP. PAS menyatakan British sepatutnya telah lama berundur dari Tanah Melayu memandangkan mereka telah berada di negara ini sejak kurun ke-19. Calon PAS untuk kerusi Krian, Ahmad Fuad Hassan menyatakan kemerdekaan perlu disegerakan supaya masyarakat Melayu dapat mentadbir negara mengikut corak sendiri.⁴² Perkara ini secara tidak langsung memperlihatkan isu kemerdekaan ini menjadi kempen oleh calon PAS. Manakala NAP, mereka menganggap kemerdekaan Tanah Melayu perlu diberikan secara penuh oleh British agar pentadbiran sendiri itu dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Justeru itu, perihal kemerdekaan Tanah Melayu ini menjadi isu utama oleh parti Melayu yang bersaing terhadap politik Perak. Walaupun PAS dan NAP turut mengutarakan isu kemerdekaan, namun isu ini tidak menjadi keutamaan oleh kedua-dua parti itu berbanding UMNO. Rata-rata calon UMNO lebih mengutamakan isu kemerdekaan ini sebagai kempen, malah menjadikan perkara ini sebagai manifesto parti itu. Perkara ini sekali gus menjadikan isu kemerdekaan sebagai identiti UMNO pada PRU 1955.

Tumpuan terhadap perkara yang berkaitan dengan agama Islam turut menjadi isu keutamaan oleh parti Melayu semasa tempoh kempen PRU 1955 di Perak. Isu ini merupakan perjuangan utama yang dilakukan oleh PAS dan sinonim dengan identiti parti itu. Perkara tersebut harus dilihat pada sejarah penubuhan PAS itu sendiri iaitu parti ini ditubuhkan disebabkan terdapat segelintir ahli, terutamanya dari Biro Agama dari UMNO yang tidak sependapat dengan Presiden dan Majlis Kerja UMNO.⁴³ Oleh itu isu ini dijadikan sebagai perjuangan utama oleh PAS di Perak. Calon PAS untuk kerusi Krian, merangkap Yang Dipertua PAS, Ahmad Fuad Hassan menyatakan hal berkaitan agama Islam perlu diberi penekanan dalam pentadbiran negara sekiranya memperoleh kemerdekaan. Beliau menyatakan melalui sokongan terhadap PAS, Islam akan lebih terbela berbanding dengan Tanah Melayu dibawah pentadbiran UMNO kerana PAS lebih mengutamakan Islam sebagai dasar perjuangan parti.⁴⁴ Selain itu, calon PAS di Perak ini turut menempelak UMNO berdasarkan pegangan terhadap agama Islam. PAS mengatakan UMNO tidak meletakkan Islam sebagai asas terhadap perlembagaan negara kerana UMNO masih mengekalkan budaya British.⁴⁵ Secara asasnya, tindakan ini dilakukan kerana bagi menonjolkan PAS lebih bertanggungjawab terhadap agama Islam berbanding UMNO, sekali gus menguasai sokongan pengundi Melayu di negeri ini.

Walaupun begitu, UMNO pada asasnya turut menyentuh mengenai agama Islam semasa tempoh kempen PRU 1955 di Perak. Namun isu ini tidak menjadi keutamaan oleh calon parti itu sebagaimana calon dari PAS. Bagi kempen mengenai agama Islam ini, UMNO hanya menyatakan Islam akan dijadikan sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu selepas mendapat kemerdekaan dari British. Calon UMNO bagi kerusi Sungei Perak Hulu, Meor Samsudin Meor Yahya menyatakan agama Islam akan dijadikan sebagai agama rasmi Tanah Melayu sekiranya mendapat kemerdekaan dari British.⁴⁶ Perkara ini yang membezakan UMNO dan PAS kerana PAS lebih memberi penekanan terhadap perlaksanaan dasar dan undang-undang Islam sebagai keutamaan semasa tempoh kempen. Oleh itu perkara ini menyebabkan PAS lebih menonjol dalam kempen yang melibatkan hal berkaitan agama Islam kerana calon PAS menunjukkan parti itu lebih serius untuk melaksanakan dasar agama Islam di Tanah Melayu.⁴⁷

Tempoh 1950-an ini turut memperlihatkan ancaman komunis masih lagi berleluasa di Tanah Melayu, terutamanya di Perak. Semasa tempoh pilihan raya diadakan, berlakunya sebuah insiden yang melibatkan komunis di Taiping, Perak. Pihak polis menyatakan kebakaran sebuah kedai di Taiping disebabkan oleh tindakan khianat dari komunis.⁴⁸ Walaupun kemalangan yang berlaku tidak melibatkan nyawa, namun isu ini diberi perhatian meluas oleh akhbar dan pentadbiran British di negara ini. Ekoran dari perkara tersebut, isu ancaman komunis ini turut dijadikan modal kempen pilihan raya, terutamanya dalam kalangan parti Melayu yang bertanding di Perak. UMNO misalnya menyatakan hanya melalui parti itu, keselamatan rakyat lebih terjamin. PAS pula menyatakan parti itu ditubuhkan untuk membawa agenda Islam yang memberi penekanan terhadap keharmonian, sekali gus dapat menyekat pengaruh komunis.⁴⁹ Namun begitu, isu komunis ini juga memperlihatkan budaya politik fitnah atau menanam persepsi buruk terhadap pihak lawan ini dilakukan oleh parti yang bertanding. UMNO mengatakan perjuangan PAS dibiayai oleh pihak komunis, oleh itu parti ini diharamkan oleh British pada 1948 atas nama Hizbul Muslimin dan dijenamakan semula kepada PAS.⁵⁰ Perkara ini secara tidak langsung memperlihatkan UMNO berusaha untuk menunjukkan kepada pengundi bahawa parti itu menolak secara total terhadap budaya komunis dan memberi penekanan untuk menjamin keselamatan rakyat dari ancaman komunis di Tanah Melayu.⁵¹

Di samping itu, isu bersifat kenegerian turut menjadi tumpuan semasa tempoh kempen bagi PRU 1955 di Perak. Isu bersifat kenegerian adalah perkara yang melibatkan sosioekonomi di negeri seperti sekolah, kemudahan asas dan ekonomi untuk masyarakat tempatan.⁵² Parti yang kerap mengusulkan perkara ini semasa tempoh kempen adalah NAP kerana parti ini dipimpin oleh Menteri Besar Perak iaitu Datuk Panglima Bukit Gantang Dato' Seri Abdul Wahab. Dalam tempoh tersebut, Menteri Besar Perak adalah individu yang dilantik secara langsung oleh Sultan Negeri Perak, oleh itu kedudukannya dalam kerajaan negeri membolehkan beliau mengetahui selok belok pentadbiran negeri.⁵³ Namun begitu, peranan Menteri Besar dalam tempoh ini terhad kerana kebanyakan tugas eksekutif seperti hubungan luar, *portfolio* bahagian ekonomi dikuasai oleh British melalui Residen.⁵⁴ Justeru, tugas Menteri Besar dalam tempoh ini hanya perkara yang melibatkan sosioekonomi masyarakat Melayu sahaja. Berdasarkan perkara itu, NAP yang dipimpin oleh Dato' Seri Abdul Wahab mengutamakan hal yang berkaitan kenegerian sebagai kempen utama parti itu di Perak.

Kempen mengenai isu kenegerian itu dilakukan oleh kesemua calon NAP pada pilihan raya ini. Perkara tersebut menyebabkan mereka lebih menonjol terhadap hal yang berkaitan dengan isu negeri berbanding isu lain. Sehubungan itu, isu kenegerian ini secara tidak langsung menjadi identiti NAP semasa tempoh kempen PRU 1955. Walaupun terdapat parti lain yang menjadikan isu kenegerian ini sebagai kempen untuk mereka, namun hal itu tidak menyerlah sebagaimana tindakan yang dilakukan oleh calon dari NAP. Kempen mengenai isu kenegerian ini dilakukan oleh kesemua calon NAP sejak bermulanya PRU 1955 di Perak. Tindakan ini dimulai oleh Pengerusi NAP itu sendiri iaitu Dato' Seri Abdul Wahab. Beliau menyatakan NAP akan mengubah struktur sosioekonomi masyarakat tempatan

di Perak, terutamanya perkara yang melibatkan masyarakat Melayu dengan memberi peluang kepada masyarakat Melayu untuk terlibat dalam ekonomi dan pentadbiran kerajaan.⁵⁵ Selain itu, calon NAP bagi kerusi Batang Padang, Mohd Shamsuddin Hamzah, turut menjadikan isu kenegerian ini sebagai kempen utama. Beliau menyatakan sekiranya dipilih sebagai wakil rakyat di kawasan itu, beliau akan berusaha memastikan infrastruktur di Perak lengkap, terutamanya terhadap perkara yang menjadi keperluan asas seperti air dan elektrik yang tidak mencapai tahap sepenuhnya untuk rakyat di Perak. Beliau menyatakan pentadbiran British hanya menjaga kawasan bandar dan kawasan tumpuan ekonomi seperti Ipoh dan Taiping berbanding kawasan pedalaman kerana kawasan bandar lebih banyak memberi keuntungan ekonomi.⁵⁶ Perkara ini secara tidak langsung memperlihatkan NAP lebih ke hadapan berbanding parti lain dalam menjadikan isu kenegerian ini sebagai isu tumpuan semasa tempoh kempen PRU 1955.

Secara asasnya, empat isu tersebut menjadi kempen utama oleh parti Melayu yang bersaing terhadap politik di Perak, terutamanya PAS dan UMNO. Walaupun PAS tidak bertanding banyak kerusi sebagaimana NAP, namun kehadiran parti untuk bertanding tiga kerusi di Perak ini sedikit sebanyak menggugat rancangan UMNO untuk mendominasi pengundi Melayu dan menang dengan lebih banyak kerusi pada PRU 1955 ini. Justeru itu, tiga isu kempen ini menjadi keutamaan parti yang bertanding dan memainkan peranan penting terhadap pengaruh keputusan yang diperoleh UMNO, PAS dan NAP dalam PRU 1955 ini.

Prestasi Parti Melayu, PRU 1955 di Perak


Keputusan PRU 1955 untuk kerusi yang melibatkan persaingan politik Melayu ini memperlihatkan UMNO berjaya mendominasi pengundi Melayu di Perak apabila memenangi lima kerusi dari enam kerusi yang ditandingi, manakala PAS pula berjaya mencuri tumpuan apabila memenangi satu kerusi yang dipertandingkan iaitu kerusi Krian. NAP pula, walaupun dicanang sebagai pesaing utama UMNO untuk kerusi majoriti pengundi Melayu di Perak pada PRU 1955 ini gagal memberi saingan sengit bagi semua kerusi yang ditandingi oleh parti itu. Kesemua kerusi yang ditandingi oleh NAP ini memperlihatkan UMNO menang selesa iaitu dengan majoriti yang besar.⁵⁷ Perkara ini sekali gus membuktikan persaingan politik Melayu di Perak, tertumpu antara UMNO dan PAS.

Terdapat tiga kerusi yang melibatkan persaingan UMNO dan PAS pada PRU 1955 di Perak iaitu Krian, Dinding dan Telok Anson. Keputusan di kerusi Krian memperlihatkan PAS berjaya menewaskan UMNO dengan majoriti yang tipis iaitu 450 undi.⁵⁸ Kemenangan PAS di kerusi ini mengejutkan kepimpinan UMNO Perak kerana mereka menjangkakan PAS tidak akan memberi saingan sengit terhadap parti itu. Kemenangan PAS pada kerusi ini secara tidak langsung mencalarakan reputasi UMNO untuk menang kesemua kerusi pada PRU 1955 ini kerana kerusi Krian ini merupakan satu-satunya kerusi yang gagal dimenangi oleh UMNO pada PRU 1955. Keputusan di kerusi Krian memperlihatkan calon PAS, Ahmad Fuad Hassan memperoleh 8,685 undi dan menang dengan majoriti 450 undi. Manakala calon UMNO, Sulaiman Ahmad memperoleh 8,235 undi. Manakala pesaing yang lain iaitu Mohd Jan Ngah Mohamed dari NAP, gagal memberi saingan yang sengit iaitu sekadar memperoleh 3,315 undi.⁵⁹ Keputusan ini secara tidak langsung membuktikan PAS merupakan satu-satunya parti yang memberi saingan sengit terhadap UMNO di Perak.

Selain itu, kerusi lain yang memperlihatkan persaingan UMNO dan PAS adalah kerusi Dinding dan Teluk Anson. Walaupun keputusan di kedua-dua kerusi tersebut memperlihatkan PAS gagal memenangi kerusi ini, namun parti berjaya memberi saingan terhadap UMNO berdasarkan kepada jumlah undi yang diperoleh parti itu. Keputusan PRU 1955 bagi kerusi Dinding memperlihatkan calon UMNO, Meor Ariff Alwi memperoleh 10,511 undi, Calon PAS, Abd Wahab Mohd Noor memperoleh 1,197 undi. Calon lain yang turut bersaing adalah Mohd Yunus Mahmood dari NAP, memperoleh

1,629 undi.⁶⁰ Begitu juga keputusan di Teluk Anson, calon UMNO, Bahaman Samsuddin memperoleh 10,514 manakala calon PAS, Hassan Adli memperoleh 3,812. Keputusan PRU 1955 untuk kerusi majoriti pengundi Melayu yang lain di Perak iaitu Batang Padang, Sungei Perak Hilir dan Sungei Perak Ulu memperlihatkan kesemuanya dimenangi oleh UMNO dengan majoriti yang selesa. Misalnya di kerusi Sungei Perak Ulu, UMNO berjaya menang dengan majoriti yang besar iaitu 12,186 undi. Calon UMNO, Mohd Ghazali Jawi memperoleh 16,781 undi, manakala calon BEBAS, Mat Judin Ahmad memperoleh 4,595 undi. Calon NAP, Syed Nordin Wafa memperoleh 2,099 undi.⁶¹ Keputusan tersebut memperlihatkan NAP gagal bersaing dengan UMNO di Perak, malah jumlah undi yang besar dari BEBAS ini menunjukkan NAP gagal mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu di Perak.

Rajah 1 menunjukkan peratus undi yang diperoleh UMNO, BEBAS dan NAP di kerusi Sungei Perak Ulu. Berdasarkan jumlah peratus tersebut, UMNO menguasai 71.48 peratus undi. Manakala BEBAS menguasai 19.57 peratus undi dan NAP memperoleh 8.94 peratus undi. Berdasarkan kepada angka tersebut, UMNO berjaya mendominasi kerusi ini apabila menguasai pengundi Melayu melebihi 70 peratus. Namun begitu, jumlah peratus yang rendah yang diperoleh NAP berbanding BEBAS ini mengejutkan situasi politik Melayu di Perak kerana NAP dijangka memberi saingan sengit terhadap UMNO ekoran dari parti ini merupakan rakan sekutu dengan Parti Negara. Situasi tersebut membuktikan perjuangan NAP tidak disokong oleh pengundi Melayu di Perak, sekali gus gagal memberi saingan terhadap UMNO.



Rajah 1: Perbandingan Peratus Perolehan Undi antara UMNO, BEBAS dan NAP di kerusi Sungei Perak Ulu, PRU 1955 di Perak.

Sumber: CO 1030/310, United Malay National Organisation (UMNO) and Malayan Chinese Association (MCA) Alliance in Election 1955.

Begitu juga dengan keputusan di kerusi Batang Padang dan Sungei Perak Hilir, kedua-dua kerusi ini dimenangi UMNO dengan majoriti yang selesa. Keputusan untuk kerusi Batang Padang memperlihatkan UMNO menang dengan majoriti 7,952 undi. Calon UMNO, Abdul Hamid Khan memperoleh 9,170 undi. Manakala calon NAP, memperoleh 1,218 undi. Di kerusi Sungei Perak Hilir pula memperlihatkan UMNO menang kerusi ini dengan majoriti 12,689 undi menerusi calonnya, Abdul Aziz Mat Jabar. NAP pula hanya memperoleh 4,794 undi.⁶² Kemenangan dengan majoriti yang besar ini menunjukkan NAP gagal memberi saingan terhadap UMNO bagi kedua-dua kerusi tersebut. Justeru itu, kesempatan ini diambil oleh UMNO bagi meraih kemenangan dengan majoriti yang selesa di kerusi ini, sekali gus mengukuhkan kedudukan dalam kalangan pengundi Melayu di Perak. Selain itu, kemenangan ini turut menjadi penanda aras dalam kalangan pengundi Melayu di


Perak bahawa kemenangan yang diperoleh UMNO ini merupakan permulaan politik naungan di negeri ini. Kesemua pengundi Melayu di Perak mula cenderung terhadap UMNO berdasarkan kepada perspektif 'UMNO adalah penaung terhadap bangsa Melayu'.

Pola Pengundi Melayu dan Faktor Keputusan

Keputusan PRU 1955 di Perak memperlihatkan sokongan pengundi Melayu dikuasai oleh UMNO berdasarkan kepada kemenangan parti itu terhadap lima kerusi majoriti pengundi Melayu di negeri ini. Walaupun begitu, prestasi PAS yang berjaya memenangi satu kerusi di Perak ini turut mencuri tumpuan kerana UMNO secara asasnya dijangka mendominasi pengundi Melayu di Perak dan berupaya untuk memenangi semua kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan PAS pada kerusi Krian ini mencatat sejarah bahawa kedudukan parti itu bukan sekadar pelengkap terhadap sistem demokrasi, malah berpotensi untuk menjadi pencabar utama UMNO terhadap persaingan politik Melayu. Justeru, keputusan PRU 1955 tersebut merupakan bibit awal persaingan antara UMNO dan PAS terhadap politik Melayu bukan sahaja untuk situasi di Perak, malah untuk Tanah Melayu secara khususnya.

Dari satu sudut yang berbeza, kedudukan NAP terhadap politik Melayu di Perak memperlihatkan parti ini gagal memberi saingan sengit terhadap UMNO di Perak. Walaupun NAP dipimpin oleh Menteri Besar, Datuk Panglima Bukit Gantang dan merupakan sekutu dengan Parti Negara yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar, namun perkara tersebut gagal menawan hati pengundi Melayu di Perak. Perkara ini dapat dilihat pada prestasi NAP bagi kerusi yang ditandingi oleh parti itu gagal memperoleh sehingga 15 peratus undi.⁶³ Perkara ini menyebabkan UMNO berjaya memenangi kerusi yang melibatkan persaingan NAP, dengan majoriti besar. Sehubungan itu, persaingan politik Melayu di Perak secara asasnya hanya melibatkan UMNO dan PAS sebagai persaingan yang sengit. Hal ini diperkukuhkan lagi melalui perbandingan peratus undi popular yang diperoleh setiap parti Melayu pada PRU 1955.⁶⁴

Rajah 2 membincangkan peratus undi popular yang diperoleh PAS, UMNO dan NAP berdasarkan kerusi majoriti pengundi Melayu di Perak pada PRU 1955. Berdasarkan rajah tersebut, UMNO mengguguli peratusan tertinggi apabila berjaya memperoleh 68.8 peratus undi popular. Manakala PAS, walaupun hanya bertanding dua sahaja kerusi di Perak, namun pencapaian parti itu lebih baik berbanding NAP membolehkan undi popular yang diperoleh PAS lebih tinggi berbanding NAP pada persaingan politik Melayu di Perak ini. Perkara ini dapat dilihat pada undi popular yang raih PAS mencatatkan 29.5 peratus berbanding NAP yang hanya memperoleh 1.7 peratus. Situasi ini sekali gus menunjukkan persaingan politik Melayu di Perak pada asasnya tertumpu antara UMNO dan PAS. Justeru itu, peranan NAP pada PRU ini hanya sekadar pemecah undi kerana peratus undi popular yang diperoleh parti itu hanya sekadar 1.73 peratus sahaja.



Rajah 2: Peratus Undi Popular UMNO, PAS dan NAP di Perak pada PRU 1955.

Sumber: FCO 141/7413, Reports of General Election 1955, Malaya.

Faktor utama yang mempengaruhi pola pengundi Melayu ini adalah isu yang dibawa oleh parti yang bertanding. Tempoh kempen PRU 1955 di Perak memperlihatkan UMNO dan PAS membawa isu nasional, seperti kemerdekaan dan dasar untuk negara Islam.⁶⁵ Perkara ini secara tidak langsung memperlihatkan rancangan parti sama ada UMNO ataupun PAS, berusaha membentuk kerajaan dan pentadbiran baharu di Tanah Melayu tanpa bayangan dari British. Hal ini menyebabkan masyarakat Melayu berkeyakinan untuk memberi sokongan terhadap UMNO dan PAS. Oleh itu undi popular untuk kedua-dua parti ini tinggi berbanding NAP. Manakala NAP, parti itu masih membawa isu bersifat kenegerian seperti jalan raya, permasalahan air dan pendidikan. Justeru itu, isu kenegerian yang dibawa oleh NAP ini gagal meyakinkan parti itu mampu untuk membawa perkara ini ke peringkat nasional. Kegagalan ini seterusnya menyebabkan parti ini tidak disokong oleh pengundi Melayu. Tindakan isu semasa tempoh kempen ini secara tidak langsung membezakan kematangan politik antara UMNO, PAS dan NAP. Perbezaan ini seterusnya dibuktikan melalui pengaruh terhadap jumlah undi yang diperoleh setiap parti yang bertanding. Oleh itu, keputusan berdasarkan peratus undi popular ini, UMNO dan PAS lebih dominan berbanding NAP.

Kesimpulan

Secara konklusinya, persaingan politik Melayu di Perak pada PRU 1955 memperlihatkan dinamika yang signifikan antara dua parti utama, iaitu UMNO dan PAS. Keputusan pilihan raya menunjukkan UMNO berjaya memenangi lima daripada enam kerusi yang dipertandingkan, manakala PAS meraih satu kerusi. Keputusan ini membuktikan persaingan politik antara kedua-dua parti Melayu tersebut bermula seawal dekad 1950-an dan menjadi asas kepada perkembangan politik Melayu yang lebih kompleks pada dekad berikutnya. Kemenangan PAS terhadap satu kerusi tersebut turut mencerminkan kemunculan alternatif politik kepada UMNO dalam kalangan masyarakat Melayu, sekali gus menandakan tahap kematangan demokrasi yang mula terbentuk, apabila tiada satu parti yang mendominasi sepenuhnya medan politik Melayu. Selain itu, pola persaingan di Perak turut memperlihatkan isu berteraskan nasional lebih mendapat perhatian dalam kalangan pengundi Melayu berbanding isu bersifat kenegerian. UMNO, yang menjadikan agenda kemerdekaan sebagai teras kempen politiknya, berjaya menarik sokongan luas menerusi retorik yang menekankan kebebasan pentadbiran dan masa depan negara tanpa campur tangan British. Retorik ini dilihat amat berkesan

dalam membentuk kesedaran politik dalam kalangan pengundi Melayu, yang mula menunjukkan aspirasi terhadap pembentukan pemerintahan sendiri. Sebaliknya, Parti Negara atau NAP yang menumpukan kempen kepada isu kenegerian gagal menyaingi pengaruh UMNO. Pendekatan yang tidak selari dengan arus nasionalisme semasa ini menyebabkan NAP sukar memperoleh sokongan yang signifikan dalam konteks politik Perak pada ketika itu. Dalam masa yang sama, kemenangan PAS terhadap satu kerusi memperlihatkan bahawa isu agama Islam juga mempunyai daya tarikan tersendiri dalam kalangan pengundi Melayu. PAS berjaya menampilkan Islam sebagai alternatif kepada nasionalisme sekular yang dibawa oleh UMNO dan kemunculan kemenangan tersebut menjadi petunjuk awal bahawa isu agama akan terus memainkan peranan penting terhadap politik Melayu pada masa hadapan. Hakikat bahawa PAS satu-satunya parti yang berjaya menewaskan UMNO dalam PRU 1955 di Perak mengukuhkan lagi kedudukan PAS sebagai pesaing ideologi yang sah dalam gelanggang politik tanah air. Oleh itu, analisis terhadap persaingan politik Melayu di Perak dalam PRU 1955 bukan sahaja memperlihatkan pertembungan antara parti politik Melayu, tetapi turut menggambarkan keutamaan isu yang mencorak kecenderungan pengundi. Antara nasionalisme, kenegerian dan agama, jelas bahawa isu kemerdekaan dan Islam merupakan dua perkara utama yang membentuk kesedaran politik masyarakat Melayu pada era awal sistem pilihan raya demokrasi di Tanah Melayu.

Nota

¹ Penghujung 1940-an memperlihatkan banyak parti Melayu yang ditubuhkan. Antaranya adalah UMNO yang ditubuhkan pada 1946, PKMM ditubuhkan pada 1945 dan Hizbul Muslimin ditubuhkan pada 1948. Syed Aljunied, *Radicals: Resistance and Protest in Colonial Malaya*, Cornell University Press, New York, 2015, hlm. 21.

² CO 825/82/3, Malaya: Monthly Political Intelligence Reports for 1950.

³ Ibid.

⁴ FCO 141/7377, Malaya: Monthly Political Intelligence Reports, Perak.

⁵ Syaza Shukri, *Elite Populism and Malay Political Leaders in Malaysia*, Palgrave Macmillan, Singapore, 2024.

⁶ Christopher Choong Weng Wai, Anti-colonial Raced Capitalism in Malaysia: Contested Logics, Gendered Repertoires. *Journal Review of International Studies*, 51 (1), 2024.

⁷ Armand Azra, Producing the Subaltern, Epistemic Violence Against the Malay Left, 1945–1957, *Journal of Indonesia and the Malay World*, Vol. 51, 2024, hlm. 151.

⁸ Karl Hack, *The Malayan Emergency, Revolution and Counterinsurgency at the End of Empire*. Cambridge University Press, London, 2021.

⁹ Khoo Boo Teik, *Malay Politics, Parlous Condition, Continuing Problem*. S ISEAS Publishing, Singapore, 2020.

¹⁰ Naoki Soda, *Conceptualizing the Malay World, Colonialism and Pan-Malay Identity in Malaya*, Kyoto University Press, Tokyo.

¹¹ Lynn. H. Lees, *Planting Empire, Cultivating Subjects British Malaya, 1786-1941*, Cambridge University Press, London, 2017.

¹² Farish A. Noor, *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation*, SIRD, Kuala Lumpur, 2016.

¹³ Wan Saiful Wan Jan, *Parti Islam SeMalaysia (PAS): Unifier of the Ummah?*. ISEAS, Singapore, 2021.

¹⁴ FCO 141/16694, Proposed Federal Council for the Federal Malay States; Memorandum of Resident of Perak and views of Residents and Rulers.

¹⁵ Pada 1874, British telah melantik James W. Birch sebagai Residen pertama negeri Perak. Namun begitu, campur tangan Birch dalam pentadbiran masyarakat tempatan mengakibatkan kemarahan pembesar Perak dan akhirnya beliau dibunuh oleh masyarakat Melayu yang diketuai oleh Dato' Maharaja Lela. Abdullah Zakaria, *Pasir Salak: Pusat Menentang British di Perak*, Yayasan Perak, Ipoh, 2005.

¹⁶ *Warta Malaya*, 8 Mac 1937.

¹⁷ *Utusan Melayu*, 17 April 1946.

¹⁸ *Warta Malaya*, 20 Januari 1948.

¹⁹ *Warta Malaya*, 27 Januari 1948.

²⁰ CO 537/7285, The Emergency in Malaya: Reports to Ministers.

²¹ Farish A. Noor, *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation*, SIRD, Kuala Lumpur, 2016, hlm. 27.

²² Ibid., hlm. 35.

²³ *The Straits Times*, 29 Ogos 1951.

²⁴ *Utusan Melayu*, 11 Oktober 1955.

²⁵ Suruhanjaya Reid dibentuk bagi merangka Perlembagaan Tanah Melayu. Ahli suruhanjaya ini terdiri dari James Reid sebagai Pengerusi, Sir Ivor Jennings, wakil United Kingdom, Sir William McKell wakil Australia, Hakim Malik wakil India dan Hakim Halim Abdul Hamid wakil Pakistan. Suruhanjaya ini bertanggungjawab merangka sistem pilihan raya di Tanah Melayu berdasarkan kepada Perlembagaan yang dicadangkan. CO 1030/129. Constitutional Commission on Malaya, Composition.

²⁶ FCO 141/7413. 1955. Malaya: Federal Elections, 1955.

²⁷ CO 1030/129. Constitutional Commission on Malaya, Composition.

²⁸ FCO 141/7413. 1955. Malaya: Federal Elections, 1955.

²⁹ *The Straits Times*, 27 Julai 1955.

³⁰ Ibid.

³¹ FCO 141/7413, 1955, Malaya: Federal Elections, 1955.

³² Siti Noranizahhafizah Boyman, Pilihan Raya Negeri Melaka 2021: Cerminan Pilihan Raya Umum 15?, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 48 (3) December 2021, hlm. 105-126.

³³ Wan Saiful Wan Jan, *Parti Islam SeMalaysia (PAS): Unifier of the Ummah?*. ISEAS, Singapore, 2021.

³⁴ *Utusan Malaysia*, 20 Julai 1955.

³⁵ CO 1030/310, United Malay National Organisation (UMNO) and Malayan Chinese Association (MCA) Alliance in Election 1955.

³⁶ Ibid.

³⁷ *Warta Malaya*, 17 Julai 1955.

³⁸ Muhammad Naim Fakhirin, Parlimen Ayer Hitam Sebagai Kubu Kuat MCA Pada Pilihan Raya Umum ke-15, Johor, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol 52 (1), Mac 2025, hlm. 114-134.

³⁹ *The Straits Times*, 6 Julai 1955.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ *The Straits Budget*, 7 Julai 1955.

⁴² *The Straits Times*, 27 Mei 1955.

⁴³ Farish A. Noor, *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation*, SIRD, Kuala Lumpur, 2016, hlm. 29.

⁴⁴ *Utusan Melayu*, 16 Julai 1955.

⁴⁵ Ibid.

⁴⁶ *The Straits Times*, 27 Julai 1955.

⁴⁷ Zaireeni Azmi, PAS: Permuafakatan Politik Sebagai Tapak Integrasi dan Peranan Wanita, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 47 (3), December 2020, hlm. 428-462.

⁴⁸ WO 291/1785, Reports and Statistics relating to Communist Terrorists in Malaya.

- ⁴⁹ Ho Hui Ling, Kebangkitan Parti Komunis Malaya (PKM), 1968-1989: penelitian terhadap kegiatan komunis di Semenanjung Malaysia, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 42 (1), 2016, hlm. 23-56.
- ⁵⁰ DO 187/55, Opposition political parties in Western Malaysia.
- ⁵¹ Ibid.
- ⁵² Adibah Yasmin Alias, and Jamaie Haji Hamil, Keberkesanan strategi Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke-15 di Semenanjung Malaysia: penonjolan golongan Islamis. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Val 50 (4), 2023, hlm. 451-473.
- ⁵³ Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak, 1945-1970*, Penerbit USM, Pulau Pinang, 2011, hlm. 64.
- ⁵⁴ Ibid., hlm. 69.
- ⁵⁵ *Utusan Melayu*, 11 Oktober 1955.
- ⁵⁶ Ibid.
- ⁵⁷ FCO 141/7413, Reports of General Election 1955, Malaya.
- ⁵⁸ Ibid.
- ⁵⁹ Ibid.
- ⁶⁰ Ibid.
- ⁶¹ CO 1030/310, United Malay National Organisation (UMNO) and Malayan Chinese Association (MCA) Alliance in Election 1955.
- ⁶² FCO 141/7413, Reports of General Election 1955, Malaya.
- ⁶³ Ibid.
- ⁶⁴ Undi popular merupakan campuran undi keseluruhan kerusi yang ditandingi oleh parti tersebut. Asmadi Hassan, Rohayati Paidi, Muhammad Danial Azman, Jepun vs Malaysia: Strategi Kempen Pilihan Raya Umum 2017 dan 2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Vol. 46 (1), 2019, hlm. 172-195.
- ⁶⁵ *The Straits Times*, 27 Julai 1955.

Rujukan

- Abdullah Zakaria. 2005. *Pasir Salak: Pusat Menentang British di Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Armand Azra. 2024. "Producing the Subaltern, Epistemic Violence Against the Malay Left, c.1945–1957," *Journal of Indonesia and the Malay World* 51, no. 151: 231-256.
<https://doi.org/10.1080/13639811.2023.2245644>
- Asmadi Hassan, Rohayati Paidi, Muhammad Danial Azman. 2019. "Jepun vs Malaysia: Strategi Kempen Pilihan Raya Umum 2017 dan 2018," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 46, no. 1: 172-195.
<https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/33465/9507>
- Christopher Choong, Weng Wai. 2024. "Anti-colonial raced capitalism in Malaysia: Contested logics, gendered repertoires," *Journal Review of International Studies* 51, no. 1: 139-158.
- CO 1030/129. 1955. Constitutional Commission on Malaya, Composition. London: The National Archive.
- CO 537/7285.1955. The Emergency in Malaya: Reports to Ministers. London: The National Archive.
- CO 825/82/3. 1950. Malaya: Monthly Political Intelligence Reports for 1950. London: The National Archive.
- Farish A. Noor. 2016. *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in a Mottled Nation*. Kuala Lumpur: SIRD.
- FCO 141/16694, Proposed Federal Council for the Federal Malay States; Memorandum of Resident of Perak and Views of Residents and Rulers. London: The National Archive.

- FCO 141/7377. 1955. *Malaya: Monthly Political Intelligence Reports*, Perak. London: The National Archive.
- FCO 141/7413. 1955. *Malaya: Federal Elections, 1955*. London: The National Archive.
- Hack, K. 2021. *The Malayan Emergency, Revolution and Counterinsurgency at the End of Empire*. London: Cambridge University Press.
- Ho, Hui Ling. 2015. "Kebangkitan Parti Komunis Malaya (PKM), 1968-1989: Penelitian Terhadap Kegiatan Komunis di Semenanjung Malaysia," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 42, no. 1: 23-56.
<https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/42018/10863>
- Ishak Saat. 2011. *Radikalisme Melayu Perak, 1945-1970*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Khoo, Boo Teik. 2020. *Malay Politics, Parlous Condition, Continuing Problem*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Lees, L. H. 2017. *Planting Empire, Cultivating Subjects British Malaya, 1786-1941*. London: Cambridge University Press.
- Muhammad Naim Fakhirin. 2025. "Parlimen Ayer Hitam Sebagai Kubu Kuat MCA Pada Pilihan Raya Umum ke-15, Johor," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 52, no. 1: 114-134.
<https://doi.org/10.17576/jebat.2025.5201.06>
- Siti Noranizahhafizah Boyman. 2021. "Pilihan Raya Negeri Melaka 2021: Cerminan Pilihan Raya Umum 15?," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 48, no. 3: 105-126.
<https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/52749/12680>
- Soda, Naoki. 2020. *Conceptualizing the Malay World, Colonialism and Pan-Malay Identity in Malaya*. Tokyo: Kyoto University Press.
- Syaza Shukri. 2024. *Elite Populism and Malay Political Leaders in Malaysia*. Singapore: Palgrave Macmillan.
- Syed Aljunied. 2015. *Radicals: Resistance and Protest in Colonial Malaya*. New York: Cornell University Press.
- The Straits Budget*. 7 July 1955. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- The Straits Times*. 27 July 1955. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- The Straits Times*. 27 May 1955. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- The Straits Times*. 29 August 1951. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- The Straits Times*. 6 July 1955. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Utusan Melayu*. 20 Julai 1955. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Utusan Melayu*. 11 Oktober 1955. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Utusan Melayu*. 16 Julai 1955. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Utusan Melayu*. 17 April 1946. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Wan Saiful Wan Jan. 2021. *Parti Islam SeMalaysia (PAS): Unifier of the Ummah?*. Singapore: ISEAS.
- Warta Malaya*. 8 Mac 1937. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Warta Malaya*. 20 Januari 1948. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Warta Malaya*. 27 Januari 1948. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- Warta Malaya*. 17 Julai 1955. Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur.
- WO 291/1785. 1955. *Reports and Statistics Relating to Communist Terrorists in Malaya*. London: The National Archive.
- Zaireeni Azmi. 2020. "PAS: Permuafakatan Politik Sebagai Tapak Integrasi dan Peranan Wanita," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 47, no. 3: 428-462.
<https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/44787/11551>